




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **73 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,074 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan iaitu di daerah Kudat. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh ialah 47 menjadikan jumlah kumulatif 53,193 orang. Seramai 374 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 151 orang di hospital dan 222 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara satu (1) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 20 orang dan empat (4) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kuala Penyu bertukar dari zon kuning ke zon hijau.

4 Terdapat **dua (2)** kluster baharu direkodkan pada hari ini.

- i. **Kluster Kg Malaman di daerah Sipitang** menokok enam (6) kes baharu menjadikan jumlah kumulatif positif COVID-19 sebanyak 14 kes. Kes indeks merupakan guru wanita di salah sebuah sekolah rendah di Sipitang, berusia 37 tahun dan disahkan positif melalui saringan kemasukan wad akibat pendarahan ketika mengandung. Saringan kontak di sekolah tersebut mendapati empat (4) lagi guru bersama seorang pekerja kantin dan tujuh (7) pelajar positif COVID-19. Selepas saringan, seorang lagi kontak rapat kepada kes indeks (di luar sekolah) didapati positif COVID-19. Aktiviti pengesanan kontak rapat masih giat dijalankan.

ii. **Kluster Kampung Padang Tembak di daerah Keningau** menambah enam (6) kes baharu menjadikan jumlah kumulatif positif COVID-19 sebanyak 21 kes. Kes indeks merupakan seorang pelajar, berusia 15 tahun yang menjalani saringan untuk merentas negeri (Wilayah Persekutuan Labuan) pada 07 Mac 2021. Hasil penelitian, jangkitan menular ekoran aktiviti rentas negeri dan daerah oleh ahli keluarga kes indeks, di samping pergerakan kerap kes indeks ke rumah saudara mara di Kg Padang Tembak Keningau. Saringan kontak rapat masih giat dijalankan.

5 Daripada 73 kes positif COVID-19, sebanyak 25 kes (34.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 11 kes (15.1%) saringan bergejala, 18 kes (24.7%) saringan kluster baharu dan sedia ada, 12 kes (16.4%) saringan bersasar serta tujuh (7) kes (9.6%) dari lain-lain kategori.

6 Jumlah kapasiti katil 4,362 unit

- Hospital 644 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,298 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Peratus penggunaan katil 8.57%.

## **B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

Setakat ini, seramai **2,184** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **37,721** orang.

## **C BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sejumlah **286,718** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 28 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 11,061 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 16 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 75 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 38 kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19 :
  - Kota Kinabalu : 38 orang
    - Aktiviti pusat hiburan- tiada penjarakan sosial.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 92 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 483 lokasi melibatkan seramai 204 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 124 anggota RELA di 134 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu Semporna, Sandakan.
- 7 Sejumlah 91 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 18 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 112 hebahan di seluruh Sabah.

**E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	97%
2	Kinabatangan	97%
3	Beaufort	97%
4	Kota Kinabalu	96.5%
5	Beluran	96.5%
6	Kudat	96.5%
7	Sipitang	96.5%
8	Semporna	96.5%
9	Penampang	96.5%
10	Sandakan	96.5%
11	Ranau	96%
12	Tenom	96%
13	Papar	96%
14	Kota Marudu	96%
15	Tuaran	96%
16	Lahad Datu	96%
17	Kota Belud	96%
18	Tawau	95%
19	Keningau	94%

- 2 Daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**18 Mac 2021**